

CNS4939

U PB 04-03 00175 BH773

Bah

PM KATA BN SUDAH JANGKA CALONNYA MENANG DENGAN MAJORITI KURANG  
Jerai - Mahathir

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Barisan Nasional (BN) sudah menjangka calonnya, Haji Badaruddin Amiruddin akan memenangi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Jerai dengan majoriti undi yang berkurangan berbanding dengan majoriti yang diperolehi sebelum ini.

Pada kebiasaannya dalam pilihan raya kecil tidak ramai pengundi keluar mengundi dan perkara ini juga berlaku pada pilihan raya kecil tersebut, katanya kepada pemberita semasa waktu rehat majlis tilawah Al Quran Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Pusat Islam di sini.

Dengan itu BN menjangka awal-awal lagi akan menang dengan undi yang kurang, berbanding dengan pilihan raya umum lepas, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Badaruddin dan pekerja-pekerja BN atas kemenangan itu serta mengucapkan terima kasih kepada para pengundi yang telah memberi kemenangan sekali lagi kepada BN.

Katanya, beliau percaya Badaruddin akan berkerja kuat untuk menunaikan janji-janji yang telah dibuatnya. -- Lagi

▼04/03/23-31MST

CNS4940

U PB 04-03 00133 BH774

Bah

Jerai - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Ditanya mengenai seolah-olah adanya trend menyaman dan membawa ke mahkamah keputusan pilihan raya pada masa ini, Dr Mahathir berkata: +Itu hak di bawah undang-undang.+

+Bila sudah ada undang-undang macam itu, kita ikut undang-undang....ada yang kalah, ada yang menang,+ katanya.

Badaruddin, 42, yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Jerai, memperolehi 14,538 undi, untuk menewaskan calon Pas, Nasir Haji Othman, 42, dengan majoriti 3,726 undi.

Pada pilihan raya umum lepas calon BN, Allahyarham Haji Ghazali, yang mendapat 15,723 undi, menewaskan Haji Subky Latiff daripada PAS dengan majoriti 4,602. Haji Subky memperolehi 11,121 undi.

Sementara itu, di YAN, Kedah, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff, yang juga Pengerusi BN negeri, kurang puas hati dengan kemerosotan itu. --  
Lagi

▼04/03/23-40MST

CNS4941

U PB 04-03 00155 BH775

Bah

Jerai - Mahathir 3 Kuala Lumpur

+BN akan membuat post-mortem untuk mengkaji kelemahan yang ada,+ katanya ketika ditemui selepas pengumuman keputusan pilihan raya kecil itu di Dewan Datuk Madi di sini malam ini.

Haji Osman berkata beliau menjangka antara 75 hingga 80 peratus daripada sejumlah 37,171 pengundi di kawasan itu akan keluar mengundi tetapi sebaliknya hanya 69 peratus yang keluar mengundi.

Pada pilihan raya umum lepas 73.93 peratus pengundi keluar mengundi.

Beliau percaya antara sebab majoriti undi BN merosot ialah kerana ramai penyokong BN tidak keluar mengundi dan sesetengah yang tinggal jauh tidak pulang untuk mengundi.

Pengerusi MCA Kedah, Senator Datuk William Chek Lin Kwai berkata keputusan itu membuktikan bahawa masyarakat Cina memberi sokongan kepada BN.

+Ini menolak kenyataan sesetengah pihak yang sebelum ini mengatakan kononnya pengundi Cina di kawasan Jerai tidak akan menyokong BN pada pilihan raya kecil ini,+ katanya. -- Lagi

▼04/03/23-44MST

CNS4942

U PB 04-03 00163 BH776

Bah

Jerai - Mahathir 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Raja Ariffin Raja Sulaiman pula berkata, walaupun majoriti BN merosot, ia tidak bermakna pengaruh BN di kawasan itu juga telah merosot.

Sementara itu, Haji Badaruddin berjanji akan melaksanakan tugasnya sebagai wakil rakyat dengan sebaik mungkin.

Beliau meminta para penduduk di kawasan itu memberikan kerjasama kepadanya kerana tanpa kerjasama segala pembangunan yang diusahakan oleh kerajaan tidak akan berjaya.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berkata pembangkang mungkin akan menimbulkan isu majoriti yang berkurangan itu tetapi apa yang penting ialah BN menang.

Katanya, kemenangan itu seperti juga kemenangan BN dalam pilihan raya kecil yang lain menggambarkan penerimaan rakyat terhadap kerajaan yang dipimpin oleh Dr Mahathir.

Muhammad berkata di negara-negara barat biasanya pembangkang memenangi pilihan raya kecil kerana rakyat tidak berpuas hati dengan pemerintah tetapi perkara itu tidak berlaku di Malaysia. -- Bernama

▼04/03/23-51MST